

DATE: 15/6 / 2010

Dr. Mahathir tidak akan saman Barry Wain

UM-15/06/2010

KUALA LUMPUR 14 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan menyaman penulis buku, Barry Wain yang mendakwa telah membazirkan wang negara sebanyak RM100 bilion.

Beliau berkata, penulis buku *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in Turbulent Times* dan penyokongnya boleh memperkatakan apa sahaja yang mereka suka mengenai dirinya.

“Pada pandangan saya, setiap ahli politik harus menerima semua pendapat sama ada menyokong atau menentang. Mereka harus menganggapnya sebagai perkara normal dan meneruskan kerja-kerja yang sedang dilakukan.

“Rakyat negara ini sahaja yang dapat menentukan sama ada tuduhan berkenaan adalah berpunca daripada keangkuhan pengkritik atau bersandarkan kebenaran. Saya hanya akan mengulas jika dirasakan perlu,” katanya dalam blog <http://chedet.co.cc> hari ini.

Bekas editor *Asian Wall Street Journal* itu dalam buku yang setakat ini telah dijual sebanyak 4,000 naskhah di Malaysia turut mendakwa berlaku banyak kegiatan rasuah dan salah guna Dasar Ekonomi Baru (DEB) ketika Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, banyak pihak telah mendesaknya supaya menyaman Wain terutama setelah satu forum bagi membincangkan buku itu di Universiti Malaya (UM) pada bulan lalu yang diguna beberapa pihak untuk mengutuk beliau dengan pelbagai jenis kesalahan yang didakwa telah dilakukannya.

“Sebenarnya, sebelum buku ini dibenarkan dijual di Malaysia, ramai yang tidak bersetuju dengan cercaan Wain terhadap apa yang saya lakukan ketika menjadi Perdana Menteri, termasuk pihak akhbar, telah meminta saya menyaman penulis ini,” ujarnya.